

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11/6/2010

INTIPATI RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

um-11/06/2010

■ Kerajaan menyasar untuk meningkatkan sumbangan pendidikan swasta sehingga sekali ganda, dari RM7 bilion pada 2008 kepada RM14 bilion pada 2015 dengan menarik 150,000 penuntut tempatan dan antarabangsa melanjutkan pelajaran di negara ini.

■ Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya atau "Greater KL" akan dijadikan bandar bertaraf dunia yang mempunyai persekitaran memberangsangkan sebagai tempat tinggal, bekerja dan beriadah dalam tempoh lima tahun akan datang.

■ Kanak-kanak dalam isi rumah 40 peratus terendah akan terus diberi peluang pendidikan saksama untuk meningkatkan pencapaian pendidikan dan kemahiran

mereka.

■ Kerajaan menyasar untuk meningkatkan purata pendapatan isi rumah 40 peratus terendah kepada RM2,300 sebulan pada 2015 berbanding hanya RM1,440 sebulan tahun lepas.

■ Kerajaan menjangkakan peningkatan sebanyak 1.4 juta pekerjaan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

■ Agenda pembangunan bumiputera perlu dilaksanakan dengan pendekatan baru berasaskan prinsip mesra pasaran, merit, ketelusan dan keperluan.

■ Malaysia akan menumpukan kepada tiga perkara dalam usaha memperbaiki

kedudukannya dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International (TI-CPI).

■ Polis akan membuat saringan terhadap penjaga kanak-kanak untuk menjamin keselamatan dan perlindungan kanak-kanak yang berada di bawah jagaan pihak lain seperti pusat jagaan, pusat asuhan dan tadika,

■ Lebih banyak universiti tempatan yang menepati syarat akan diberi kuasa autonomi.

■ Sebanyak RM2.8 bilion diperuntukkan untuk membangunkan sistem pengangkutan awam di bandar bagi tempoh dua tahun pertama RMK-10.

■ Kerajaan akan memperkenalkan persaingan dan mekanisme pasaran dalam perkhidmatan

awam di bawah RMK-10 untuk bertindak sebagai sebuah syarikat yang kompetitif.

■ Rancangan Malaysia Ke-10 akan memberi penekanan kepada penggunaan tenaga boleh diperbaharu dan peningkatan kecekapan tenaga selain fokus kepada pewujudan bangunan mesra alam.

■ Kerajaan akan mempertingkatkan kemudahan pendidikan teknikal dan latihan vokasional dalam usaha mengarus perdanakan bidang ini dan membolehkan lebih ramai pelajar menceburinya.

■ Kerajaan akan memberi fokus kepada usaha meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah